

**A COMPARATIVE STUDY OF THE PRACTICE OF ZAKAT DISTRIBUTION
TO ASNAF FI SABILILLAH IN SELECTED STATES IN MALAYSIA**

**KAJIAN PERBANDINGAN AMALAN AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF
FI SABILILLAH DI NEGERI-NEGERI TERPILIH DI MALAYSIA**

Mohd Shuzaini Soibⁱ & Jasni Sulongⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Ph.D, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). mohdshuzaini@student.usm.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (USM). jasni@usm.my

Abstract	<p><i>Zakat is one of the sources of economic development for Muslims. While the zakat institutions in each state are responsible for collecting, distributing, and managing the zakat of Muslims. After the collection of zakat has been collected, it must be distributed to the eight groups of asnaf, as explained by SWT through verse 60 of Surah at-Taubah. Fi sabilillah is one of the eight asnaf mentioned in the verse. However, this asnaf fi sabilillah is often debated among jurists, not to mention the Malaysian community, regarding the definition and qualifications of the parties classified as asnaf fi sabilillah. There are differences between one state and another in Malaysia regarding the definition and allocation of zakat to this asnaf. The objective of this study is to identify the extent to which the meaning of fi sabilillah has been expanded to be able to be used in planning the socio-economic development of Muslims. In addition, this study also aims to see how the practice of zakat distribution to asnaf fi sabilillah is implemented in five selected states. The study was conducted at five zakat institutions in Malaysia, namely the Kedah State Zakat Board (LZNK), the Selangor Zakat Board (LZS), the Johor State Islamic Religious Council (MAINJ), the Kelantan Islamic Religious Council and Malay Customs (MAIK), and the Sabah Islamic Religious Council. (MUIS). The analysis of the study was carried out to examine the definition of fi sabilillah in the five institutions as well as researching the distribution schemes provided to asnaf fi sabilillah. This study was conducted using a qualitative approach, which involves data collection through documentation. A literature review is also used to obtain relevant information and data. Data analysis methods are also used to analyze the data obtained. The study found that there are indeed differences in the terms and priorities of asnaf fi sabilillah in terms of allocations and groups given by each state in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: <i>Asnaf Fi Sabilillah, Zakat, Allocation, Distribution, Collection.</i></p>
Abstrak	<p><i>Zakat merupakan salah satu sumber pembangunan ekonomi umat Islam. Manakala institusi zakat di setiap negeri pula bertanggungjawab mengumpul, mengagih dan menguruskan zakat umat Islam. Setelah hasil kutipan zakat telah dikumpul kemudian mestilah diagihkan kepada lapan golongan asnaf seperti mana yang dijelaskan oleh SWT menerusi ayat 60 surah at-Taubah. Fi sabilillah adalah satu daripada lapan asnaf yang disebutkan di dalam ayat tersebut. Walau bagaimanapun, asnaf fi sabilillah ini sering menjadi</i></p>

perbahasan dalam kalangan fuqaha apatah lagi bagi masyarakat Malaysia berkaitan pendefinisian dan kelayakan pihak-pihak yang digolongkan sebagai asnaf fi sabilillah. Terdapat perbezaan antara satu negeri dengan negeri yang lain di Malaysia berkaitan definisi dan peruntukan zakat kepada asnaf ini. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti sejauh mana makna fi sabilillah itu diluaskan penafsirannya yang mampu digunakan dalam merancang pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Selain itu kajian ini juga bertujuan melihat apakah amalan agihan zakat kepada asnaf fi sabilillah yang dilaksanakan di lima negeri terpilih. Kajian telah dijalankan di lima institusi zakat di Malaysia iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Analisis kajian dilakukan bagi meneliti pentakrifan fi sabilillah di kelima-lima institusi tersebut serta menyelidik skim-skim agihan yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan melibatkan kaedah pengumpulan data melalui dokumentasi. Kajian kepustakaan juga digunakan bagi mendapatkan maklumat dan data-data yang berkaitan. Kaedah analisis data turut digunakan bagi menganalisis data-data yang diperolehi. Kajian mendapati sememangnya terdapat perbezaan pada terma dan keutamaan asnaf fi sabilillah daripada segi peruntukan dan golongan yang diberikan oleh setiap negeri di Malaysia.

Kata kunci: Asnaf Fi Sabilillah, Zakat, Peruntukan, Agihan, Kutipan.

PENGENALAN

Zakat merupakan satu ibadah yang bukan sahaja menghubungkan antara manusia dengan Allah SWT, tetapi juga menghubungkan antara manusia dengan sesama manusia. Peranan zakat sangatlah besar dalam usaha membangunkan ekonomi umat Islam dan mengeluarkan umat Islam daripada belenggu kemiskinan. Islam telah menetapkan lapan golongan yang mesti diberi perhatian untuk mendapat agihan zakat. Perkara ini telah dijelaskan oleh Allah SWT menerusi surah al-Tawbah ayat 60 yang bermaksud, "*sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil zakat, orang-orang yang dilembutkan hatinya (muallaf), untuk (memerdekakan) hamba, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan untuk orang-orang yang terkandas dalam perjalanan, sebagai satu kewajipan dari Allah SWT, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana* (al-Quran. Al-Tawbah: 60). Berpandukan ayat ini, adalah menjadi asas utama dalam mengagihkan zakat kepada setiap asnaf termasuklah asnaf *fi sabilillah*.

Artikel ini secara khusus akan membincangkan secara perbandingan dari sudut makna istilah *fi sabilillah* dan pemakaian serta praktiknya di negeri-negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah. Termasuklah dalam kajian ini, akan dibuat penelitian serta perbandingan skim-skim bantuan yang disediakan kepada asnaf *fi sabilillah* di lima negeri tersebut.

PENDEFINISIAN ASNAF FI SABILILLAH

Asnaf *fi sabilillah* ialah golongan yang sering menjadi perbahasan dalam kalangan fuqaha. Hal ini kerana makna *fi sabilillah* itu sendiri yang sangat luas dan membuka ruang yang luas untuk dibahas dan diwacanakan. Apatah lagi daripada aspek pentadbiran dalam sistem pengurusan zakat di Malaysia, ia adalah berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain yang menyebabkan berlakunya kepelbagaian dalam bentuk pendefinisian dan agihan kepada asnaf *fi sabilillah*.

Fi Sabilillah daripada Perspektif Fikah

Pada bahasa *fi sabilillah* terdiri daripada gabungan tiga perkataan iaitu *fi* bermaksud “di” atau “pada” *sabil* bermaksud “jalan” dan *Allah* bermaksud “Tuhan (Allah SWT)” (Zainuddin, 1999). Berdasarkan gabungan perkataan ini, asnaf *fi sabilillah* ditakrifkan dengan beberapa pendefinisian menurut fuqaha yang boleh diteliti maksudnya daripada sudut bahasa dan penggunaan istilah fikah. Pada bahasa, lafaz *fi sabilillah* membawa maksud “jalan menuju kepada keredhaan Allah SWT” atau “berjuang di jalan Allah SWT”. Perjuangan ini boleh berlaku dalam bentuk kepercayaan (iktikad) ataupun praktis (amal) (Mohd Zulkifli Ab Ghani, 2003).

Manakala pada istilah fikah pula ialah, lafaz *fi sabilillah* adalah merujuk kepada seseorang atau tentera secara sukarela yang dianggap berada atau berjuang di jalan Allah (*fi sabilillah*) (Wahbah al-Zuhaili, 2013). *Fi sabilillah* pada zaman awal Islam difahami dengan seseorang yang berjuang dan berperang untuk menegakkan syiar Islam atau jihad. Kumpulan yang mendefinisikan *fi sabilillah* ini sebagai khusus kepada maksud jihad adalah merupakan pandangan jumbuh ulama daripada Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali. (Al-Kasani, 1986). Mereka berhujah dengan hadith Rasulullah SAW:

{ أَيُّ ذَلِكَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةً اللَّهُ هِيَ الْعُلْيَا، فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ }

Maksud: “Siapa dia *fi sabilillah*? Jawab Baginda SAW: Sesiapa yang berperang, berjuang dan berjihad untuk memastikan kalimah Allah yang tertinggi maka itulah yang dimaksudkan *fi sabilillah*”. (Hadis. Muslim. *Bab Man Qaatala Li Takunu Kalimatullah hiya al Ulya*. 1904; Al-Nawawi, 1998).

Manakala sebahagian fuqaha termasuklah fuqaha kontemporari iaitu ulama yang hidup selepas 300 tahun Hijrah seperti al-Razi, Ibn al-Athir dan lainnya (al-Dhahabi, 1995). Mereka tidaklah menghadkan definisi *fi sabilillah* hanya khusus kepada jihad sahaja. Hal ini kerana takrifan itu terlalu ketat dan *rigid* khususnya pada zaman yang masyarakat tidak lagi berperang sewenang-wenangnya. Sedangkan maksud sebenarnya lebih luas iaitu segala perkara yang dilakukan sebagai usaha untuk menegakkan syiar Islam adalah termasuk dalam perbuatan *fi sabilillah*. Selari dengan takrifan ini, Ibn al-Athir (t.t.) dan al-Razi (1981) menyatakan *fi sabilillah* ialah tidak terhad kepada jihad tetapi meluas kepada menjalankan amalan-amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti jihad, belajar, bina masjid, uruskan jenazah dan berdakwah.

Al-Kasani (1986) dan Sayyid Sabiq (1999) mengaitkan *fi sabilillah* dengan segala aktiviti semasa yang menyumbang kepada keredaan Allah SWT. Hal ini selari sebagaimana pandangan di atas untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Justeru, *fi sabilillah* adalah meluas kepada segala bentuk kerja buat yang bersifat ketaatan, kepatuhan, perkara-perkara kebajikan dan kemaslahatan yang memberi kebaikan kepada agama dan ummah, serta menyumbang ke arah menegakkan syiar dan agama Islam. Manakala fuqaha *mutaakhirin* seperti Syed Qutb memberi pendapat bahawa *fi sabilillah* mempunyai maksud yang lebih luas dan berkepentingan awam seperti membiayai keperluan jihad, melatih sukarelawan, membina pusat dakwah, menubuhkan institusi pendidikan seperti sekolah, kolej atau universiti.

Mengulas hal ini, al-Qardawi (2006) menyatakan *fi sabilillah* tidaklah terhad kepada jihad dengan makna mengangkat pedang semata-mata, malah ia lebih luas kepada segala bentuk perjuangan untuk menaikkan agama Allah SWT sama ada melalui dakwah, pendidikan, penulisan, ekonomi, politik, kemasyarakatan dan sebagainya. Seajar dengan hal ini, Rasyid Redha (1990) berpendapat asnaf *fi sabilillah* boleh digunakan untuk semua program yang bertujuan memperkasakan tuntutan agama demi kemaslahatan kaum muslimin, agama dan negara.

Pendefinisian *fi sabilillah* dengan maksud yang lebih luas ini diterima oleh kebanyakan ulama masa kini seperti Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003). Selain itu *Majma’*

Fiqh al-Islamiyyah turut berpandangan yang sama di mana mereka mendapati pandangan *fi sabilillah* dengan maksud yang luas lebih sesuai dan bertepatan kerana ia selari dengan maksud Surah al-Baqarah ayat 262 dan berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud mengenai seekor unta yang dijadikan *fi sabilillah* dan Rasulullah SAW menunjukkan pada unta itu bagi kegunaan untuk mengerjakan haji. Justeru, hal ini menjelaskan bahawa frasa *fi sabilillah* adalah luas dan bukannya terhad kepada berjihad semata-mata (Rabi'atul Solehah & Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2018).

Fi Sabilillah daripada Perspektif Statut Malaysia

Undang-undang tertinggi di Malaysia ialah Perlembagaan Persekutuan. Jadual Kesembilan Senarai 2 (Senarai Negeri) ada memperuntukkan bahawa hal ehwal zakat adalah urusan negeri sebagaimana cabutan berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya;”

Justeru, perincian lanjut mengenai pentadbiran berkaitan hal ehwal zakat adalah di bawah bidang kuasa negeri selari dengan kehendak peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, kuasa dan bidang kuasa pentadbiran berkaitan zakat adalah tertakluk kepada undang-undang yang mengawal selia urusan zakat. Ada negeri yang peruntukan urusan berkaitan dengan urusan zakat terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan ada negeri yang mempunyai statut yang khusus. Dalam hal ini juga tertakluk kepada peraturan-peraturan zakat dan lain-lain. Enakmen inilah yang memperincikan mengenai bidang kuasa zakat di negeri masing-masing.

Berhubungan dengan definisi dan skop berkenaan *fi sabilillah*, terdapat negeri yang memberi takrifan yang sama dan terdapat juga negeri yang memberi takrifan yang berbeza. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK, 2022) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS, 2022), memberi takrifan yang serupa, iaitu *fi sabilillah* didefinisikan sebagai perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah SWT. Manakala bagi negeri Johor, Majlis Agama Islam Johor memberikan sedikit perbezaan pada pentakrifan tersebut dengan memperuntukkan maksud *fi sabilillah* ialah mereka yang berjuang, berusaha mempertahankan dan meningkatkan penghayatan syiar Islam (MAINJ, 2022). Takrifan ini termasuklah pembangunan syiar Islam, pembangunan pendidikan Islam, pengurusan masjid dan surau, kepentingan awam dan pentadbiran am (Azman Ab Rahman & Muhammad Ridhwan Ab Aziz, 2016).

Takrifan yang lebih luas diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kelantan. Menurut MAIK, *fi sabilillah* boleh difahamkan sebagai segala bentuk usaha yang ikhlas bagi mencapai keredaan Allah, yang merangkumi segala bentuk kebajikan seperti bantuan untuk peperangan menentang musuh Islam, bantuan kepada pelajar dan apa sahaja bentuk ketaatan dan pendekatan diri kepada Allah S.W.T (MAIK, 2022). Justeru, mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti-aktiviti untuk menegak, mempertahankan atau mendakwah agama Islam serta kebajikannya adalah merupakan asnaf *fi sabilillah*. Dengan penafsiran ini juga memberi ruang yang luas kepada pendakwah-pendakwah, pusat-pusat pengajian Islam dan sebagainya yang menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah untuk mendapatkan bantuan zakat (Hailani Muji Tahir, 2009).

Manakala bagi Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pula, takrifan *fi sabilillah* hampir menyamai apa yang diberikan oleh Kelantan. Tetapi terdapat sedikit perbezaan iaitu perkataan “mendakwah ditukar kepada menyebarkan”, iaitu seseorang yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti-aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan menyebarkan agama Islam serta kebajikannya. Penafsiran ini sangatlah besesuaian di negeri Sabah yang memerlukan pendakwah-pendakwah untuk menggiatkan lagi kerja-kerja dakwah kepada masyarakat yang mempunyai suku kaum yang lebih pelbagai. Dengan

penafsiran ini dapat disediakan peruntukan khas kepada semua individu dan juga agensi yang melibatkan diri dengan kerja-kerja menyebar dan menegakkan agama Islam di negeri Sabah.

Berdasarkan kepada skop negeri-negeri yang dibincangkan di atas, jelas bahawa istilah *fi sabilillah* adalah merujuk kepada segala aktiviti yang membawa kebaikan kepada agama dan syiar Islam seperti menegakkan agama melalui dakwah melalui penerbitan buku-buku agama, pengkaderan da'i dan penubuhan institusi dakwah. Seterusnya dalam aspek akademik, melahirkan bijak pandai dalam kalangan umat Islam melalui aspek pendidikan yang merangkumi pembiayaan pelajaran, pembekalan alatan pengajian, tiket penerbangan dan yuran, penubuhan institusi dan latihan akademik dari semasa ke semasa. Manakala mempertingkat ekonomi umat Islam juga penting dan ia dilakukan melalui pembiayaan latihan kepakaran dan kemahiran, pemberian alat atau mesin bagi penjana ekonomi dan pembiayaan kewangan atas sewaan kedai dan bayaran utiliti. Pendek kata, maksud *fi sabilillah* adalah sangat luas sejauhmana ia memberi maksud menegakkan agama dan syiar Islam melalui pelbagai aktiviti dan pembiayaan yang boleh didanai daripada wang zakat (Azman Ab Rahman et al., 2016).

LATAR BELAKANG KAJIAN ASNAF FI SABILILLAH

Kajian berkaitan asnaf *fi sabilillah* sebenarnya telah pun dilakukan oleh ramai penulis semasa berikutan skopnya yang fleksibel dan anjal sesuai dengan *maqasid syar'iyah*. Khairul Azhar Abdul Aziz (2017) telah membuat kajian berkaitan skim bantuan kepada pelajar-pelajar yang merupakan salah satu daripada cabang asnaf *fi sabilillah*. Kajian yang dijalankan di Majlis Agama Islam Perak itu bertujuan untuk mengetahui bentuk-bentuk skim bantuan yang telah diperuntukkan oleh MAIP kepada sektor pendidikan. Kajian beliau mendapati MAIP telah pun menyediakan skim bantuan kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pelajaran sama ada peringkat rendah, menengah dan juga peringkat pengajian tinggi. Dalam hal ini, jelas bahawa skop *fi sabilillah* berkenaan pembiayaan pengajian menjadi salah satu daripada terminologi yang digunapakai oleh MAIN bukan sahaja di Perak, malah oleh semua negeri-negeri di Malaysia.

Begitu juga kajian terhadap asnaf *fi sabilillah* yang dijalankan oleh Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki dan Azman Abdul Rahman (2019) berkaitan agihan zakat kepada sektor pendidikan bertujuan untuk mengenalpasti penerima sebenarnya yang boleh didefinisikan sebagai mereka yang layak untuk menerima zakat pendidikan. Kajian yang dijalankan di Zakat Pulau Pinang (ZPP) ini telah mendapati pihak ZPP telah mengagihkan zakat pendidikan kepada institusi dan juga individu. Kedua-dua pihak yang terlibat dalam skop pendidikan ini merupakan asnaf *fi sabilillah* yang berguna untuk menambahbaik kemudahan dan saraan bagi tujuan pendidikan.

Selain itu terdapat juga pengkaji membuat kajian bagi mengetahui adakah skim-skim agihan yang telah diperuntukkan kepada asnaf *fi sabilillah* bertepatan dengan *maqasid syariah*. Azman Ab Rahman dan Siti Zulaikha Mokhtar (2017) telah menjalankan kajian tersebut di dua institusi zakat iaitu Lembaga Zakat Selangor dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Setelah kajian dijalankan, didapati skim-skim yang dilaksanakan oleh kedua-dua institusi tersebut telah menepati kehendak *maqasid syariah*.

Terdapat juga penulis yang mengkaji peranan zakat dalam pembangunan pendidikan norma baru di Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Kelantan. Kajian yang dijalankan oleh Zanirah Mustafa @ Busu et al. (2022) mendapati dana zakat yang disalurkan kepada institusi pendidikan amatlah diperlukan. Selain dapat memperkembangkan lagi dana zakat dengan lebih cepat dan berkesan. Kajian mengenai konsep asnaf *fi sabilillah* juga dilakukan bagi membandingkan antara pendapat ulama salaf dan ulama kontemporari. Kajian mendapati konsep *fi sabilillah* yang diamalkan oleh ulama kontemporari bersifat dinamik dan membuka ruang yang sangat luas kepada keperluan umat Islam ditengah-tengah perkembangan dunia sekarang (Lukmanul Hakim, 2020).

Seterusnya kajian juga dijalankan oleh Naemah Hamzah et al. (2021) berkaitan penggunaan wang zakat dalam kalangan asnaf *fi sabilillah*. Kajian yang dijalankan di

Universiti Teknologi Malaysia ini mendapati asnaf yang menerima wang zakat ini menggunakannya bagi tujuan perbelanjaan harian seperti makan, minum dan membantu keluarga. Wan Siti Zahratul Wahdah Wan Azlan dan Noor Hasyimah Sulaiman (2021) turut melakukan kajian bagi mengetahui keberkesanan agihan zakat kepada asnaf *fi sabilillah*. Kajian yang dijalankan di negeri Kelantan itu mendapati zakat yang diberikan kepada asnaf *fi sabilillah* sangat berkesan dalam menyelesaikan masalah ketidakmampuan melanjutkan pengajian. Selain itu kajian juga mendapati dengan menerima zakat ini, mampu meningkatkan motivasi pelajar tersebut untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan melibatkan kaedah pengumpulan data melalui dokumentasi. Kaedah kajian kepustakaan juga turut digunakan bagi mendapatkan takrifan perkataan "*fi sabilillah*" bagi negeri-negeri yang dikaji. Buku, laporan tahunan, kertas kerja, jurnal dan laman web merupakan rujukan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan.

Lokasi kajian dibahagikan kepada zon wilayah utara, tengah, selatan, timur dan Malaysia Timur, iaitu merangkumi Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah. Wilayah-wilayah ini mewakili zon masing-masing sebagai sampel kajian. Lokasi-lokasi ini dipilih dengan menggunakan kaedah persempelan bertujuan. Pemilihan ini sebagai mewakili wilayah masing-masing yang merangkumi negeri yang maju, berkembang dan wilayah borneo. Dapatan daripada setiap wilayah ini dapat mewakili Unit-unit Zakat yang berada di Malaysia.

Data-data yang dikumpulkan di atas dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan kemudian dilakukan perbandingan. Oleh kerana kajian ini dilakukan berdasarkan zon wilayah, maka analisis dilakukan dengan membandingkan skim-skim agihan kepada asnaf *fi sabilillah* yang dilaksanakan di negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah. Segala butiran dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan teknik deskriptif iaitu semua butiran berkaitan skim-skim yang dilaksanakan akan dijelaskan dalam bentuk jadual. Semua data-data yang diperolehi di dalam artikel ini adalah dari sumber kajian yang benar dan sah.

ANALISIS SKIM-SKIM BANTUAN ASNAF ZAKAT FI SABILILLAH NEGERI-NEGERI

Berdasarkan perbincangan di atas, setiap negeri mempunyai bidang kuasa dan skop berbeza dalam mendefinisikan asnaf *fi sabilillah* dan pelaksanaan agihannya di negeri masing-masing. Dalam perbincangan ini, amalan Pusat Zakat di Negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah akan dibincang dan dianalisis.

Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)

Lembaga Zakat Negeri Kedah membahagikan 31 skim bantuan di bawah peruntukan asnaf *fi sabilillah*. Skim-skim ini bertujuan untuk membiayai dan menampung keperluan aktiviti pendidikan, dakwah dan juga pembangunan syiar Islam. Skim-skim bantuan yang disediakan dapat dilihat seperti di dalam Jadual 1 berikut (LZNK, 2020):

NO	SKIM BANTUAN	NO	SKIM BANTUAN
1.	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke IPT Tempatan	17.	Bantuan Peruntukan KAFA Daerah
2.	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Mesir	18.	Pengurusan Kompleks Pembangunan Asnaf
3.	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Jordan	19.	Bantuan Institusi Pondok
4.	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Indonesia (IAIN)	20.	Elaun Pegawai Masjid

5.	Derma Siswa Awal Pelajar IPT Luar Negara	21.	Guru Agama Umumi ¹ dan Kampung
6.	Biasiswa Pelajar Perubatan Dalam Negara IPTA	22.	Lain-lain bantuan yang tidak dijeniskan
7.	Biasiswa Pelajar Perubatan Luar Negara (Mesir)	23.	Program Pembangunan Pendidikan
8.	Biasiswa Pelajar UNISHAM	24.	Agihan Balik
9.	Derma Siswa Melanjutkan Pelajaran Ke Maghribi	24.	Elaun Pelajar Latihan Industri/ Sukarelawan Zakat
10.	Biasiswa Pelajar Cemerlang Bulanan	26.	Bantuan Musibah Alam
11.	Biasiswa Mursyid DiRaja (10 Pelajar x RM10,000.00.	27.	Sukarelawan Zakat
12.	Biasiswa Yuran Pengajian IQDAR	28.	Bantuan Pengurusan Jenazah / Kit Solat
13.	Sekolah Agama Nidzomi ²	29.	Sumbangan Sara Hidup Mahasiswa IPTA Dalam Negara
14.	Binaan masjid, surau dan sekolah agama	30.	Program Intensif Daie Zakat
15.	Pondok Moden Zakat (Gontor) ³	31.	Penerangan dan Dakwah
16.	Penajaan Ruwaq Jawi ⁴		

Jadual 1 : Skim bantuan *fi sabilillah* 2020

Berdasarkan skim-skim ini, bantuan kepada asnaf *fi sabilillah* adalah meliputi pelbagai fokus iaitu kepentingan sosial, keperluan institusi-institusi agama, pendidikan dan sebagainya. Skim-skim bantuan bertujuan membantu perkembangan dan kemajuan umat Islam dan institusi yang berkaitan dengannya. Dalam aspek pendidikan, terdapat tujuh bentuk bantuan diberikan di mana semua skim bantuan ini berbentuk derma siswa dan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran sama ada dalam dan luar negara.

Selain itu terdapat juga skim bantuan yang diberikan kepada institusi Islam bagi tujuan pembaikan, penyelenggaraan dan pengurusan institusi seperti masjid, surau, sekolah-sekolah agama, institusi pondok, pondok moden dan kompleks pembangunan asnaf. Skim bantuan untuk pembangunan sosial juga disediakan iaitu sebanyak 10 jenis skim bantuan. Golongan ini termasuklah bantuan kepada guru agama umumi dan guru al-Quran kampung, sumbangan program-program pembangunan pendidikan, agihan balik zakat kepada pembayar, elaun pelajar Latihan Industri, sukarelawan zakat, bantuan musibah alam, bantuan kit pengurusan jenazah, bantuan Program Intensif Daie Zakat dan sumbangan sara hidup mahasiswa IPTA dalam negara. Hanya terdapat satu sahaja agihan di bawah skim pembangunan masjid dan satu di bawah skim penerangan dakwah.

Lembaga Zakat Zakat Selangor (LZS)

Di Selangor, agihan kepada asnaf *fi sabilillah* telah diletakkan di bawah dua program agihan seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Program	Skim Bantuan
Program Pembangunan Sosial	Bantuan kecemasan atau runcit
	Program Penerapan Nilai-nilai Islam

¹ Guru-guru yang mengajar al-Quran di kampung yang tidak dibayar gaji atau elaun secara tetap.

² Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dan tidak mendapat bantuan Kerajaan.

³ Sekolah Pondok di bawah seliaan Lembaga Zakat Negeri Kedah.

⁴ Pondok Pengajian Pelajar-Pelajar Melayu Kedah di Mesir.

Program Pembangunan Pendidikan	Elaun Guru Kelas Asas Fardhu Ain (KAFA)
	Elaun Guru Agama
	Elaun Penceramah
	Dermaiswa Pelajar Luar Negara
	Dermaiswa Pelajar Dalam Negara
	Dermaiswa Huffaz al-Quran

Jadual 2: Skim bantuan *fi sabilillah* LZS 2020

Berdasarkan Jadual 2 ini, pembangunan manusia dan masyarakat merupakan aspek yang utama untuk diberikan perhatian di bawah agihan zakat. Hal ini bertujuan bagi memastikan golongan asnaf *fi sabilillah* ini mendapat bantuan sewajarnya, supaya hal ehwal ekonomi, keperluan kewangan, pendidikan, sara hidup guru dan pelajar serta kos bagi yuran pengajian merupakan antara fokus yang diutamakan oleh LZS. Secara lebih terperinci LZS telah membahagikan skim bantuan kepada asnaf *fi sabilillah* ini kepada dua program utama iaitu Program Pembangunan sosial dan Program Pembangunan Pendidikan. Untuk memastikan golongan asnaf *fi sabilillah* ini mendapat perhatian sewajarnya, di bawah program pembangunan sosial ini diwujudkan pula dua bentuk skim bantuan iaitu bantuan kecemasan runcit dan bantuan Program Penerapan Nilai-Nilai Islam. Bagi Program Pembangunan Pendidikan pula bantuan zakat diagihkan kepada enam golongan iaitu bayaran elaun guru-guru kelas Asas fardhu Ain (KAFA), bayaran elaun guru agama, bayaran elaun penceramah, dermaiswa pelajar luar negara, dermaiswa pelajar dalam negara dan dermaiswa huffaz al-Quran.

Di bawah program ini, agihan yang dilakukan dapat membangun institusi agama, membuat pengisian rohani, membantu persekolahan anak-anak asnaf tanpa kekangan untuk maju ke hadapan, menyediakan keperluan asas seperti pekerjaan, makanan dan tempat tinggal yang boleh meningkatkan pendapatan para asnaf agar mereka dapat keluar daripada kemiskinan. Skim-skim ini dirangka supaya para asnaf akan mampu menjadi pengeluar zakat pada suatu hari nanti.

Majlis Agama Islam Johor (MAINJ)

Skim agihan kepada asnaf *fi sabilillah* juga dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Skim-skim agihan ini telah dibahagikan kepada empat aktiviti iaitu aktiviti pentadbiran am, aktiviti pendidikan dan kebajikan, aktiviti syiar Islam dan aktiviti masjid dan surau. Jadual 3 menunjukkan berkaitan aktiviti pentadbiran am (MAINJ, 2022).

Aktiviti Pentadbiran Am	Pemberian dalam negeri
	Gaji dan upah
	Elaun tetap
	Sumbangan berkanun
	Elaun lebih masa

Jadual 3: Aktiviti pentadbiran am

Jadual di atas menunjukkan aktiviti Pentadbiran Am di mana aktiviti ini meliputi pemberian dalam negeri, gaji dan upah, elaun tetap kakitangan, sumbangan berkanun dan elaun lebih masa. Skim pemberian dalam negeri ini pula dibahagikan kepada beberapa jenis bantuan iaitu pemberian dan bantuan. Skim pemberian dan bantuan ini pula meliputi sumbangan kepada Bahagian Baitulmal iaitu bagi kegunaan pentadbiran am, peruntukan pembangunan, sumbangan bantuan operasi zakat amil IPTA, IPTS dan sekolah-sekolah agama, sumbangan bayaran balik zakat perniagaan (WAKALAH) dan penajaan kepada pelajar-pelajar yang menyambung belajar ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Dua skim ini hanya ditawarkan kepada kakitangan MAINJ sahaja.

Skim gaji dan upah pula melibatkan pembayaran kepada dua kelompok iaitu bayaran gaji kepada kakitangan MAINJ, termasuk juga kakitangan biasa dan kakitangan

kontrak. Manakala elaun tetap pula diberikan kepada kakitangan tetap, kakitangan kontrak dan elaun Ahli Majlis termasuklah elaun kehadiran. Skim sumbangan berkanun ialah bayaran caruman yang melibatkan caruman kepada kakitangan tetap dan kakitangan kontrak. Manakala bagi bayaran elaun lebih masa pula dibayar kepada kakitangan tetap dan juga kakitangan kontrak melibatkan kakitangan dari unit Baitulmal dan Wakaf. Seterusnya aktiviti perkhidmatan dan bekalan dapat dilihat pada Jadual 4 di bawah:

Perkhidmatan dan bekalan	Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup
	Pengangkutan barang-barang
	Penyelenggaraan dan pembaikan kecil
	Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli
	Ganjaran
	Bangunan dan pembaikan bangunan

Jadual 4: Perkhidmatan dan bekalan

Merujuk kepada Jadual 4 di atas mendapati peruntukan agihan perbelanjaan perjalanan dan sara hidup ini melibatkan bayaran tuntutan kerana tugas rasmi oleh kakitangan bahagian Baitulmal, Wakaf, Pejabat Penasihat, Pejabat Pengerusi dan Pelawat Hospital. Bayaran ini termasuklah perbelanjaan tambang haji dan juga bayaran Touch n Go bagi kenderaan rasmi MAINJ. Bayaran pengangkutan barang-barang ini pula hanya melibatkan tuntutan perpindahan bagi pegawai-pegawai dari unit Baitulmal, zakat dan wakaf.

Bayaran melibatkan penyelenggaraan dan pembaikan kecil ini termasuklah kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan ruang pejabat Majlis Agama Islam Johor di ibu pejabat dan juga pejabat Majlis Agama Islam Daerah. Bagi perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli pula termasuk bayaran-bayaran keraian jamuan dan riadhah, Perubatan kakitangan, pesara dan klinik panel, fee ikhtisas, juru perunding dan pewartaan, percetakan resit, taqwim, borang dan lain-lain, kajian, penyelidikan dan pembangunan, khidmat undang-undang, iklan akhbar, perkhidmatan perisian dan aplikasi baru laman web, percetakan Buletin Majlis, percetakan siri Buku Agama, Risalah Umum dan Buletin Infaq, percetakan Buku Laporan Tahunan, perkhidmatan auditan, promosi zakat, perkhidmatan keselamatan pungutan hasil atau *Cash in Transit*, elaun khas pegawai dan kawalan keselamatan di semua pejabat MAINJ termasuk ibu pejabat dan daerah.

Seterusnya skim pembayaran ganjaran ini hanya diberikan kepada kakitangan kontrak sahaja. Bagi pembinaan dan pembaikan bangunan pula melibatkan beberapa pejabat Majlis Agama Islam Daerah termasuklah bangunan Pejabat Majlis Agama Islam Daerah Segamat, Kluang, Kota Tinggi, Johor dan Pontian. Turut melibatkan pembinaan rumah orang tua di Taman Perling, Penyelenggaraan dan baikpulih rumah transit, pembinaan Mustika Embun, pembaikan Bangunan Pejabat Majlis Agama Islam Daerah Mersing, Pembelian dan ubahsuai Pejabat Majlis Agama Islam Daerah Johor Baharu dan Kaunter MAINJ dan Pembinaan Pusat Dialisis Batu Pahat.

Seterusnya bagi aktiviti pendidikan dan kebajikan pula didapati terdapat enam jenis skim bantuan di bawah aktiviti pendidikan dan 15 jenis skim bantuan di bawah skim kebajikan. Bantuan-bantuan yang diagihkan kepada asnaf *fi sabilillah* ini antaranya ialah Sumbangan penyelenggaraan asrama pelajar Johor di Mesir, Sumbangan Briged Ahli Sunnah Wal Jamaah, Peruntukan Pejabat Atase di Kaherah Mesir, Sumbangan pentadbiran Hal Ehwal Pelajar di Timur Tengah, Majlis Taklimat Pelajar dan Kursus Asas ke luar negara dan sumbangan diberikan kepada Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

Manakala bantuan-bantuan yang berbentuk kebajikan pula ialah Sumbangan luar negara, Sumbangan bantuan guaman syari'e (BBG), Sumbangan Kembara Mahkota, Sumbangan surau, penyelenggaraan tahunan, baik pulih dan naik taraf, Sumbangan pengawal keselamatan di Kaherah Mesir, Sumbangan kepada pertubuhan Islam dalam dan luar negara, Sumbangan Program Insaniah dan khidmat masyarakat, Sumbangan kepada Briged Ansor, Program Ahli Sunnah Wal Jamaah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Sumbangan kepada Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) melalui Baitulmal,

pinjaman kepada Baitulmal untuk Johor Toyyiban Laboratories (JT Lab) MAIJ Toyyiba, pinjaman kepada Baitulmal untuk Radio MAIJ Media Digital An Nur Sdn. Bhd., *Maslahah Ammah*, Sumbangan bantuan operasi zakat amil Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan sekolah-sekolah agama serta Sumbangan pembiayaan Mikro Usahawan.

Selain daripada itu, jadual di bawah boleh dirujuk untuk melihat skim bantuan yang melibatkan syiar Islam.

Aktiviti Syiar Islam	Bahagian Pengurusan Masjid
	Bahagian Dakwah
	Bahagian Pembangunan Keluarga

Jadual 5: Aktiviti Syiar Islam

Merujuk kepada Jadual 5 di atas, didapati terdapat tiga bahagian yang diletakkan di bawah aktiviti syiar Islam iaitu Bahagian Pengurusan Masjid, Bahagian Dakwah dan Bahagian Pembangunan Keluarga. Daripada Bahagian Pengurusan Masjid telah dilaksanakan beberapa bantuan yang merupakan asnaf *fi sabilillah*. Skim-skim bantuan tersebut ialah sumbangan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Mukim di seluruh Negeri Johor, bayaran saguhati bilal, noja dan imam masjid, sumbangan saguhati hafaz al-Quran, bayaran elaun mengajar kelas membaca al-Qura, sumbangan elaun bulanan kepada Qari dan Qariah yang berjaya di peringkat kebangsaan dan sumbangan program pengukuhan qari dan qariah Negeri Johor.

Manakala Bahagian Dakwah pula terdapat lima bentuk bantuan yang disediakan iaitu Program *Dakawah Bil Hal*, sumbangan hadiah kepada pesakit yang berada di hospital, bantuan kepada anak yatim dan orang tua, sumbangan kepada program dakwah dan tarbiah serta bantuan-bantuan semasa. Bagi Bahagian Pembangunan Keluarga juga mendapat sumbangan zakat di bawah asnaf *fi sabilillah* melalui sumbangan Fee Panel Peguam Pembangunan Keluarga.

Bagi aktiviti masjid dan surau didapati terdapat dua bentuk agihan yang dilaksanakan iaitu bantuan peningkatan syiar Islam dan bantuan pembinaan masjid baru. Melalui bantuan peningkatan syiar Islam ini, didapati bantuan-bantuan tersebut berbentuk dana kepada Masjid-masjid Kerajaan, termasuk Masjid Abu Bakar. Ia meliputi sumbangan penyelenggaraan tahunan, baik pulih dan naik taraf infrastruktur. Manakala bantuan kepada masjid Kariah pula ialah bantuan penyelenggaraan dan baik pulih. pembinaan masjid dan surau baru juga termasuk di bawah peruntukan ini.

Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah menyediakan pelbagai bentuk skim bantuan kepada asnaf *fi sabilillah* dalam pelbagai bentuk. Jadual 6 di bawah menunjukkan terdapat lima program utama telah disediakan iaitu pendidikan, penerbitan, pengurusan, pengimarah pembangunan masjid, Maahad Tahfiz MAIK serta pelbagai agihan (MAIK, 2020).

No	Skim Bantuan
1.	Pelbagai agihan
2.	Pendidikan
3.	Penerbitan
4.	Pengurusan, pengimarah dan pembangunan masjid
5.	Maahad Tahfiz MAIK

Jadual 6: Skim bantuan *fi sabilillah*

Bentuk-bentuk bantuan yang telah dilaksanakan di bawah skim pelbagai agihan ini termasuklah sumbangan kepada pembangunan Islam, sumbangan kepada Yayasan Islam

Kelantan (YIK), sumbangan kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), bantuan kepada badan dan pertubuhan, projek penempatan dan agro ekonomi asnaf di Kelantan, sumbangan seminar dan majlis penerangan zakat, sumbangan kursus dan seminar dakwah, bayaran edaran bahan dakwah, agihan balik melalui pembayar zakat, lain-lain bantuan *fi sabilillah* dan lain-lain bayaran balik hasil.

Di bawah skim agihan pendidikan pula MAIK telah membahagikan kepada empat bentuk sumbangan dan penajaan pendidikan. Sumbangan-sumbangan tersebut melibatkan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), sumbangan kepada pelajar-pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara. Sumbangan ini dibahagikan pula kepada dua bentuk iaitu Dermasiswa Sultan Ismail Petra dan Biasiswa Sultan Ismail Petra. Agihan juga diberikan melalui penajaan kepada pelajar yang menyambung pelajaran dalam negara dan juga penajaan kepada pelajar yang menyambung pelajaran ke luar negara.

MAIK juga telah menjalankan beberapa aktiviti penerbitan. Bahan-bahan yang telah diterbitkan ialah menerbitkan buku-buku dan Majalah Pengasuh. Terdapat lima judul buku yang telah diterbitkan iaitu terjemahan buku Fathul Muin, Asas Aqidah Islam, Garis Panduan Pungutan Wakaf al-Quran, Warkah Imam al-Ghazali, Adab Orang Islam, Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah dan juga buku Garis Panduan Ibadat Solat dan Puasa Dalam Penerbangan. Manakala Majalah Pengasuh yang telah diterbitkan pula ialah Pengasuh bil.668, Pengasuh bil.669 dan pengasuh bil.670.

Begitu juga dengan aktiviti pengurusan, pengimarahannya dan pembangunan masjid di seluruh negeri Kelantan. MAIK telah menyediakan peruntukan yang besar bertujuan untuk memastikan masjid terus menjadi tempat penyebaran dan pengembangan dakwah Islam. Terdapat enam jenis bantuan disediakan iaitu bantuan pengurusan Masjid Negeri, Masjid Bandar dan Masjid Jajahan, bantuan untuk pengimarahannya masjid, bantuan pengurusan kepada masjid-masjid mukim, bantuan penyelenggaraan masjid iaitu perbelanjaan yang melibatkan kerosakan, sumbangan ICT dan bantuan untuk membayar elaun-elaun kuliah Jumaat dan guru agama MAIK.

MAIK juga memiliki sebuah Maahad Tahfiz yang diuruskan menggunakan dana zakat di bawah asnaf *fi sabilillah*. Peruntukan ini digunakan bagi tujuan pembayaran utiliti, elaun mesyuarat Jawatankuasa Tahfiz, elaun panel temuduga tahfiz, elaun guru luar kelas akademik dan perbelanjaan pembangunan akademik dan hal ehwal pelajar.

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) juga menyediakan skim-skim bantuan kepada asnaf *fi sabilillah*. Bentuk-bentuk agihan yang disediakan adalah berbentuk bantuan am, bantuan perubatan, bantuan pengurusan jenazah, bantuan pengurusan kepada Sekolah Agama Rakyat dan Pusat Tahfiz. Bantuan juga diberikan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bagi membayar elaun guru di bawah pentadbirannya. Selain itu turut diagihkan juga bantuan kepada masjid dan surau untuk kegunaan pembayaran utiliti dan juga program pengimarahannya. Bantuan-bantuan lain yang disediakan ialah bantuan tahunan kepada Pusat Dialisis (MUIS-NKF), bantuan kepada Rumah Anak Yatim, bantuan kepada badan dan pertubuhan kebajikan bukan kerajaan (NGO). Turut dibayar juga ialah bantuan Guru Panitia Agama Islam, bantuan pendaftaran awal dan bantuan tiket penerbangan, kepada pelajar yang dapat menyambung pelajaran ke IPTA (MUIS, 2020).

ANALISIS PERBANDINGAN AMALAN FI SABILILLAH BAGI NEGERI KEDAH, SELANGOR, JOHOR, KELANTAN DAN SABAH

Setelah kajian dijalankan didapati definisi *fi sabilillah* yang diamalkan bagi negeri-negeri Kedah, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah adalah sama iaitu tidak menghadkan maksud *fi sabilillah* itu terhadap kepada perang jihad melawan musuh semata-mata seperti mana yang difahami oleh ulama-ulama terdahulu yang berpandangan bahawa *fi sabilillah* hanya merujuk kepada mereka yang berperang untuk meninggikan kalimah Allah. Sebaliknya seperti mana yang telah dibincangkan bahawa kelima-lima negeri berpandangan *fi*

sabilillah merujuk kepada semua bentuk usaha dan aktiviti untuk memartabatkan Islam dan umatnya sama ada secara individu mahupun kumpulan.

Kajian ini juga mendapati Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) mendefinisikan *fi sabilillah* dengan merujuk kepada semua bentuk perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menengakan dan mempertahankan Islam. Tidak dijelaskan sama ada individu ataupun kumpulan secara khusus. Bagi Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pula agak sedikit berbeza iaitu dengan menambah "meningkatkan penghayatan syiar Islam". Manakala bagi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) mentakrifkan dengan merujuk kepada individu atau kumpulan yang menjalankan apa-apa aktiviti *fi sabilillah* bertujuan untuk berdakwah agama Islam atau menjaga kebajikan agama Islam adalah tergolong sebagai *fi sabilillah*. Bagi Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) juga terdapat perbezaan dalam mendefinisikan *fi sabilillah*. MUIS membuat penambahan dengan memasukkan aktiviti menyebarkan agama Islam.

Seterusnya kajian juga mendapati skim-skim bantuan yang dilaksanakan oleh LZNK, LZS, MAIJ, MAIK dan MUIS, didapati terdapat perbezaan dan terdapat juga persamaan dalam agihan zakat kepada asnaf *fi sabilillah* bagi setiap negeri. Bagi LZNK sebanyak 31 bentuk bantuan kepada asnaf *fi sabilillah* telah disediakan. Bantuan-bantuan tersebut meliputi keperluan pendidikan, dakwah, institusi-institusi Islam dan sebagainya. Manakala LZS mengagihkan zakat kepada asnaf *fi sabilillah* dengan membahagikan kepada dua program utama iaitu program pembangunan sosial dan program pembangunan pendidikan. Terdapat dua bentuk bantuan di bawah program pembangunan sosial dan enam bentuk bantuan di bawah program pembangunan pendidikan. Agihan-agihan ini dibuat mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan, dilihat kaedah ini lebih sistematik dan berfokus seterusnya agihan terus sampai kepada sasaran.

Bagi MAIJ pula agihan zakat yang diberikan kepada asnaf *fi sabilillah* agak berbeza dengan negeri-negeri lain. Ini kerana agihan dibahagikan kepada lima aktiviti iaitu aktiviti-aktiviti pentadbiran am, perkhidmatan dan bekalan, aktiviti pendidikan dan kebajikan, aktiviti syiar Islam dan aktiviti masjid dan surau. Aktiviti pentadbiran am merupakan peruntukan pengurusan di MAINJ seperti bayaran gaji, elaun, sumbangan, elaun lebih masa sumbangan pelajaran serta bayaran-bayaran lain yang berkaitan dengan kakitangan MAIJ sahaja. Manakala aktiviti perkhidmatan dan bekalan juga melibatkan dengan MAIJ.

MAIK juga mengagihkan zakat kepada asnaf *fi sabilillah* melalui lima bahagian. Bahagian-bahagian tersebut ialah pelbagai agihan, bahagian pendidikan, bahagian penerbitan, bahagian pengurusan, pengimarahkan dan pembangunan masjid dan bahagian Maahad Tahfiz MAIK. Di bawah pelbagai agihan ini terdapat 11 bentuk bantuan yang diberikan kepada pelbagai agensi termasuklah kepada pihak Yayasan Islam Kelantan, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), penganjuran seminar zakat dan penganjuran kursus dan seminar dakwah.

Selanjutnya kajian mendapati Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) juga menyediakan berbagai bentuk peruntukan bagi asnaf *fi sabilillah*. peruntukan tersebut tidak dibahagikan mengikut bahagian seperti apa yang dilakukan oleh MAINJ dan MAIK sebaliknya diagihkan secara rawak mengikut keperluan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tiada pertikaian dalam kalangan sarjana mengenai kelayakan asnaf *fi sabilillah* untuk menerima zakat. Hal ini kerana kelayakan mereka termaktub di dalam al-Qur'an iaitu dalam Surah al-Tawbah ayat 60. Bagaimanapun, para sarjana khilaf dalam mendefinisikan asnaf *fi sabilillah* ini. Namun mereka sepakat bahawa asnaf *fi sabilillah* ialah golongan yang memberi sumbangan kepada agama Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pelbagai wasilah dan perbuatan sama ada dalam hal dakwah, ekonomi, pendidikan mahu pun perubatan. Asalkan asnaf tersebut memberi kebaikan kepada Islam dalam mendekatkan dan menaikkan agama Islam, maka boleh ditakrifkan sebagai perbuatan *fi sabilillah*.

Setelah analisis dilakukan kajian mendapati kelima-lima institusi zakat telah menguruskan agihan zakat kepada *fi sabilillah* yang menepati kehendak dan maksud *fi sabilillah* yang digariskan oleh para ulama sebagaimana dinyatakan. Skim bantuan yang disediakan oleh LZNK, LZS, MAIJ, MAIK dan MUIS adalah sama iaitu agihan diberikan kepada sektor pendidikan, pengimarah, penyelenggaraan dan pembangunan masjid, penyebaran dakwah dan bantuan-bantuan berbentuk sosial. Namun terdapat perbezaan bagi MAIJ iaitu agihan *fi sabilillah* di bawah Aktiviti Pentadbiran AM disalurkan kepada kakitangan MAINJ, manakala agihan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan pula digunakan untuk pembaikan dan penyelenggaraan bangunan MAINJ. Hanya MAIK sahaja terdapat satu peruntukan yang agak berbeza iaitu peruntukan disediakan untuk aktiviti penerbitan.

Secara kesimpulannya kajian menunjukkan semua skim yang dirangka dan diikuti adalah bertepatan dengan kehendak hukum syarak. Kepelbagaian skim-skim di atas juga menunjukkan fleksibiliti Islam dalam menangani keperluan dan menguruskan bantuan untuk asnaf *fi sabilillah*.

RUJUKAN

Buku

- al-Dhahabi. (1995). *Mizan al-I'tidal Fi Naqdi al-Rijal, Zilu Mizan al-I'tidal*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Kasani, 'Ala al-Din Abu Bakar Ibn Su'ud al-Hanafi. (1986). *Badai' al-Sanai'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi. (1998). *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Hadis, Jld. 7.
- al-Qardawi. (2006). *Fiqh al-Zakat*. Kaherah: Maktabah Wahbah, Jld. 2.
- al-Razi. (1981). *Mafatih al-Ghaib*. Bayrut: Dar al-Fikir.
- al-Razi. (1983). *al-Tafsir al-Kabir*. Kaherah : al-Maktabah al-Misriyyah, Jld. 16.
- Azman Ab Rahman & Muhammad Ridhwan Ab Aziz. (2016). *Pembasmian Kemiskinan Berdasarkan Maqasid Syariah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ibn al-Athir. (t.t). *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Kaherah: Maktabah al-Khairiyah. Jld. 2.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2003). *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rasyid Redha. (1990). *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Hai'ah al-Masriyyah al-Ammah.
- Sayyid Sabiq. (1999). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Fathu li al-'lam al-'Arabi.
- Wahbah al-Zuhaily. (2013). *Mawsu'at al-Fiqh al-Islamiy wa al-Qadaya al-Mu'asirah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Zainuddin. (1999). *Mukhtar al-Sahah*. Bayrut: Al-Maktabah al-'Ashriah.

Dokumen

- Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). (2020). Laporan Tahunan.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS), Tahun. (2020). Ringkasan Prestasi Kutipan Dan Agihan Zakat.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (2020). Laporan Khas Terimaan Dan Perbelanjaan Tahun 2020.
- Majlis Agama Islam Johor Darul Takzim. (2008). Informasi Zakat.
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. (2021). Peruntukan Bagi Tahun (2021) Asnaf Fi sabilillah.

Jurnal

- Azman Ab Rahman & Siti Zulaikha Mokhtar. (2017). Skema Pemberian Zakat Kepada Asnaf Fi Sabilillah Berdasarkan Maqasid Syariah: Kajian Di Malaysia dan Singapura. Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Hukum Islam*, XVII(1), 67-70.
- Lukmanul Hakim. (2020). Konsep Asnaf Fi sabilillah: Kajian Komparatif Pendapat Ulama Salaf dan Kontemporari. *At-Tauzi', Jurnal Ekonomi Islam*, 20(2), 44.

- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Azman Abdul Rahman. (2019). Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian Di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 17(2), 157-164.
- Naemah Hamzah, Mohd Nasir Masroom, Aminuddin Ruskam & Amir Irsyaf Saim. (2021). Penggunaan Wang Bantuan Zakat Dalam Kalangan Asnaf Fi sabilillah dan Gharimin di Universiti Teknologi Malaysia. *Azka International Journal Of Zakat & Social finance*, 1(2), 193-197.
- Rabi'atul Solehah & Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2018). Tafsiran dan Status Asnaf Fi sabilillah dalam Pengagihan Zakat | Interpretation and Status of Fi sabilillah Asnaf in the Distribution of Zakah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 12(1), 24-34.

Laman Sesawang

- Lembaga Zakat Negeri Kedah. <https://www.zakatkedah.com.my/penerima-zakat/#1479873690361-bea8e12f-b274> (diakses pada 28 Ogos 2022)
- Lembaga Zakat Selangor. <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/info-agihan-2/> (diakses pada 28 Ogos 2022)
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. <http://www.e-maik.my/v2/perkhidmatan-kami/agihan-zakat> (diakses pada 22 Ogos 2022)
- Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) <https://appszakat.sabah.gov.my/index.php> (diakses pada 12 Oktober 2022).

Seminar & Prosiding

- Hailani Muji Tahir. (2009). *Pentafsiran dan Perlaksanaan Agihan Zakat Fi sabilillah Mengikut Keperluan Semasa di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Asnaf Fi sabilillah. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 10.
- Wan Siti Zahratul Wahdah Wan Azlan & Noor Hasyimah Sulaiman. (2021). *Keberkesanan Agihan Zakat Terhadap Asnaf Fi sabilillah di Negeri Kelantan*. Proceeding 4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC 21). Universiti Teknologi MARA Melaka, Malaysia. 40.
- Zanirah Mustafa @Busu, Nor Asmira Mat Jusoh, Noraini Junuh, Nor Azmila Yusof, Ahmad Mursyidi Mustapha, Mohd Nazri Mat Zin, Nurul Hidayah Awang@Ab Rahman, Nurul Izzah Noor Zainan, Nik Muniyati Nik Din & Mohd Khairul Anuar Ismail. (2022). *Unit Zakat Sedekah Wakaf: Adaptasi Peranannya Dalam Mengendalikan Dana Zakat Bagi Pembangunan Pendidikan Norma Baru Golongan Asnaf Fi sabilillah UITM Cawangan Kelantan*. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*; 1, 54-56.

Tesis & Disertasi

- Khairul Azhar Abdul Aziz. (2017). *Pengagihan Zakat Kepada Sektor Pendidikan Di Perak: Kajian Di Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Zulkifli Ab Ghani. (2003). *Pengagihan zakat mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994: Kajian terhadap Asnaf fi sabilillah*. Disertasi PhD. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.